

20/08/2002

Usaha merealisasikan ungkapan `serik doh wei'

Zulkofli Jamaludin

BENDERA Barisan Nasional (BN) dan Umno berkibar megah di tiang elektrik sepanjang jalan dari Lapangan Terbang Sultan Mahmud ke Sekolah Menengah Tun Telanai, Marang, Jumaat lalu.

Kibaran megah bendera dan puluhan sepanduk mengalu-alukan kedatangan pemimpin utama negara sehebat itu, adalah yang pertama sejak kekalahan BN bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu pada pilihan raya umum lalu.

Kemeriahan sambutan rakyat Terengganu terhadap Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad amat ketara sebaik saja Perdana Menteri melangkah turun dari pesawat.

Malah, sepanjang perjalanan ke sekolah itu, kelihatan ibu dan kanak-kanak dalam kelompok kecil berdiri di tepi jalan sambil melambaikan tangan ke arah kenderaan membawa Perdana Menteri.

Ini adalah sebahagian daripada kemeriahan dan tanda sokongan rakyat Terengganu terhadap lawatan kerja sehari Dr Mahathir ke negeri itu selain lebih 20,000 orang menghadiri perasmian Konvensyen BN Terengganu dan Perhimpunan Pemimpin Bersama Rakyat di padang Sekolah Menengah Tun Telanai.

Dalam puluhan ribu hadirin itu, terdengar seorang pak cik berkata kepada rakan-rakannya sebaik saja mendapatkan Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, yang melangkah turun dari pentas utama pada perhimpunan itu.

"Orang ni la (Ahmad Zahid) yang kena marah dulu. Tapi sekarang dah tak kena marah lagi," katanya sambil menghulurkan tangan untuk bersalam dengan Ahmad Zahid.

Lima rakan pak cik itu yang memakai kemeja-T dengan gambar Perdana Menteri terpampang di dada, turut bersalam sambil menyatakan rasa gembira kerana begitu ramai menghadiri perhimpunan berkenaan yang dianggap bersejarah dalam usaha BN memenangi semula hati rakyat Terengganu.

Bekas Ketua Pergerakan Pemuda Umno itu yang terkenal mempunyai kepakaran komunikasi dan sentuhan peribadi, terus memeluk pak cik berkenaan sambil berkata: "Sama-samalah kita berusaha memastikan kemenangan BN."

Kehadiran pak cik itu bersama lebih 20,000 penyokong BN dalam memeriahkan lagi sambutan selain untuk mendengar amanat Dr Mahathir mengenai agenda pembangunan negara dan menangkis dakwah pembangkang, sungguh di luar dugaan.

Perdana Menteri, apabila ditanya mengenai sambutan itu, berkata sokongan rakyat Terengganu sungguh hebat serta penuh bersemangat.

"Saya rasa ia berubah berbanding 1999. Pada 1999 kita tidak melihat jumlah hadirin seramai ini, malah penuh bersemangat," kata Dr Mahathir sambil melahirkan keyakinan BN mampu merampas semula pemerintahan negeri pada pilihan raya umum nanti.

Apa yang pasti, kehadiran begitu ramai penyokong BN serta pengundi di atas pagar adalah sebagai tanda awal sokongan mereka terhadap BN kerana mereka sudah serik dengan pemerintahan Kerajaan Pas Terengganu.

Teriakan "Serik Doh Wei!" sebanyak tiga kali pada perhimpunan itu bukan saja menggambarkan perasaan mereka, malah keazaman untuk berusaha bersungguh-sungguh bagi menggerakkan jentera parti memenangi pilihan raya umum ke-11.

Persoalannya, apakah BN, khususnya Umno, benar-benar bersedia untuk menggerakkan jentera parti bagi memenangi semula hati rakyat, terutama

kakitangan kerajaan negeri?

Halangan utama ialah membetulkan pemikiran rakyat Terengganu yang masih menganggap Pas sebagai satu-satunya parti yang memperjuangkan Islam sehingga apa yang dikatakan oleh pemimpin mereka menjadi pegangan.

Malah, mereka percaya tanpa langsung mempersoalkannya apabila pemimpin mereka mengatakan Tuhan 'mencarut' dan 'samseng'.

Bagi menjelaskan masalah itu, Umno perlu mempunyai pemimpin atau penceramah berpengalaman yang dapat memberi penjelasan dan pandangan mereka pula mudah diterima penyokong parti pembangkang.

Setakat ini, hanya Perdana Menteri dan segelintir pemimpin Pusat dengan nada berani membidas pandangan yang dikemukakan pemimpin pembangkang yang mendakwa diri mereka ulama.

Kepemimpinan Umno perlu menjelaskan bahawa Pas bukan parti Islam, sebaliknya parti yang mengkhianati Islam dan pemimpinnya bukanlah ulama.

Seperti dinyatakan Dr Mahathir, banyak kenyataan pemimpin Pas yang bercanggah dengan ajaran Islam seperti mengatakan Tuhan samseng dan Tuhan mencarut, yang jelas menunjukkan Pas mempergunakan agama untuk kepentingan politiknya.

"Kenyataan pemimpin Pas itu menunjukkan mereka sebenarnya bukan ulama, sebaliknya orang sesat dan perlu ditolak oleh pengikut mereka.

"Ini adalah dosa kerana menghina Tuhan dan menyamakan Tuhan dengan sifat-sifat yang ada pada manusia. Memang benar Tuhan lebih daripada manusia tetapi lebih dari segi kebaikan, bukan keburukan," katanya.

Dalam konteks Terengganu, apakah pemimpin Umno negeri sudah menyusun jentera supaya turun menemui ahli bagi menjelaskan kepincangan kepemimpinan Pas dan mengemukakan alasan kukuh mengapa parti itu harus ditolak pada pilihan raya umum nanti?

Keputusan BN Terengganu untuk melancarkan gerakan 'gelombang biru' sebagai satu strategi dalam usaha memastikan rakyat kembali memilih BN perlu dilaksanakan secara bersepadu.

BN hendaklah berwaspada dan menyedari bahawa dakyah dan tipu helah politik Pas yang menggunakan agama serta menabur janji palsu untuk menarik sokongan pengundi.

Dalam mengemaskan jentera, Umno perlu mengetuai penerangan dan menyatakan kepada penyokong dan rakyat bahawa perjuangan menentang pembangkang adalah menepati ajaran Islam dan ia adalah sebagai satu ibadah.

Antara isu utama lain ialah wang royalti yang digantikan dengan wang ihsan dan pelaksanaan Program Pembiayaan Wang Ehsan (PPWE).

Pembangkang sehingga kini masih menyatakan tentangan mereka melalui papan tanda yang diletakkan di beberapa tempat strategik sepanjang jalan Kuala Terengganu-Kuantan.

Inilah pembangkang, mereka akan menggunakan segala ruang, termasuk papan tanda dan sepanduk bagi menyatakan sokongan atau bantahan terhadap kerajaan walaupun bukan ketika kempen pilihan raya.

Tindakan berterusan itu boleh membantutkan usaha BN bagi menjelaskan fakta sebenar dan mengikis dakyah yang tertanam dalam pemikiran mereka.

Dalam keadaan tidak menguasai pentadbiran negeri, BN perlu menggandakan usaha dan tidak boleh mengharapkan bantuan daripada Pusat semata-mata.

Jentera pada peringkat negeri, bahagian dan cawangan, perlu diperkemas dan dimantapkan lagi bagi melaksanakan agenda besar itu.

Sehubungan itu, Konvensyen BN Terengganu yang berakhir Sabtu lalu, meluluskan resolusi meminta Kerajaan Pusat melantik Pengerusi BN negeri, Datuk Idris Jusoh, menduduki Jawatankuasa Pusat PPWE.

Pelantikan itu disifatkan penting supaya masalah yang dibangkitkan mengenai wang ihsan dan proses pengagihannya dapat diselesaikan secara berkesan agar ahli dan penyokong parti menikmati PPWE secara maksimum.

Ahli Umno pada peringkat akar umbi menyatakan kekesalan kerana segelintir pemimpin dan ahli Pas menikmati lebih banyak kemudahan itu.

Difahamkan, ada pegawai agensi Pusat lebih mengutamakan pembangkang dalam menyalurkan bantuan dan senarai yang dikemukakan kepada pemimpin Umno sekadar untuk pengesahan.

Setiausaha Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Ismail Said, berkata sekiranya Idris menganggotai Kabinet, beliau dapat bertindak dengan lebih berkesan dalam membuat keputusan mengenai dasar dan agenda pembangunan negeri.

Selepas pilihan raya umum lalu, tidak ada pemimpin Terengganu Umno dilantik menduduki Kabinet.

Keadaan itu berbeza di Kelantan kerana selepas pilihan raya umum 1990, Datuk Annuar Musa dan Datuk Mustapa Mohamad dilantik sebagai Ahli Dewan Negara dan diberi jawatan menteri untuk memudahkan BN merampas semula Kelantan.

Hasilnya pada 1995 kedua-dua pemimpin berkenaan berjaya memenangi kerusi Peringat dan Jeli sebelum tewas dalam pilihan raya umum lalu.

Dengan tempoh pilihan raya semakin singkat, Umno tidak harus dilihat gagal membuat persiapan untuk menjawab segala isu yang dibangkitkan pembangkang dan tidak mengulangi kesilapan lalu apabila ada segelintir ahli mengkhianati parti dengan mengundi pembangkang.

Dalam usaha BN untuk merampas semula Terengganu, pemimpin Umno, terutama golongan muda, tidak harus mengamalkan sikap saling mencurigai.

Difahamkan, walaupun pelbagai kegiatan dilaksanakan pada peringkat negeri, sikap curiga dan tidak percaya antara satu sama lain masih wujud dan ia perlu diatasi segera bagi mengelakkannya menjadi barah.

Segala masalah mestilah diselesaikan melalui pemuafakatan dan perbincangan ibarat menarik rambut dalam tepung - rambut tidak putus, tepung tidak berselerak.